

Dinding Rumah Roboh Akibat Ribut

Oleh: Nur Syahirah Farhana Yahya



Keadaan dinding rumah Hidayat (mangsa) roboh akibat ribut di Kampung Sijangkang, Selangor.

SELANGOR: Sebuah rumah di Kampung Sijangkang di sini mengalami kerosakan teruk akibat kejadian ribut membabitkan bahagian dinding pada petang Ahad 15 November 2020 namun tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan.

Ketua Kampung Sijangkang, Mohd Suhaimi Mohd Kamel memaklumkan bahawa kejadian ribut atau angin yang kuat itu berlaku kira-kira jam 6.30 petang.

Beliau menerima aduan berkaitan kejadian tersebut melalui aplikasi *whatapps* sekitar jam 8.00 malam dan disahkan oleh Setiausaha Kampung Sijangkang.

Menurutnya, kerosakan hanya berlaku di bahagian rumah atas sahaja dan tidak melibatkan di bahagian bawah dan menyifatkan kejadian tersebut berpunca dari keadaan dinding rumah mangsa yang agak uzur ketika itu.

Pada keesokan harinya, beliau dan beberapa wakil Biro Kampung Sijangkang datang berkunjung ke rumah mangsa untuk melihat keadaan sebenar yang berlaku pada lewat petang semalam.

“Saya juga telah melaporkan kejadian ini kepada pihak polis dan sudah berhubung dengan pusat zakat, pejabat tanah dan beberapa agensi bagi membincangkan perkara ini dan bantuan yang akan disalurkan,” katanya.

“Pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung” (MPKK) juga masih berusaha mengumpul dana dan mengutip sumbangan ikhlas dari penduduk kampung untuk diberikan kepada mangsa yang terlibat.

Mohd Suhaimi berkata, aktiviti gotong-royong dan proses baik pulih rumah juga telah mula dijalankan pada pada hari Selasa, 17 November 2020.

“Saya berharap agar semua penduduk Kampung Sijangkang akan sentiasa menjaga keselamatan dan terus mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan berikutan dengan lanjutan pandemik Covid-19 yang semakin meningkat dari hari ke hari”.



Sementara itu, mangsa yang terlibat, Hidayat Zainuddin, 58, dari Kampung Sijangkang berkata, beliau tidak menyedari dinding rumahnya roboh ketika itu kerana sedang berada di bilik air dan terkejut apabila diberitahu tentang kejadian tersebut oleh anaknya yang berusia 17 tahun.

“Anak saya yang berada di bahagian rumah atas terkejut dengan kejadian yang berlaku secara tiba-tiba dan terus memberitahu kepada saya,” katanya dalam temubual semalam.

Menurutnya, kejadian tersebut pernah berlaku sebelum ini dan menyifatkan kerosakan kali ini lebih teruk dari sebelumnya.

Katanya, menyedari kejadian yang berlaku ketika itu, beliau terus menghubungi jiran tetangga untuk memaklumkan perkara ini kepada pihak MPKK dan mengucapkan rasa syukur serta berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha membaik pulih keadaan rumahnya.